

Majlis penasihat wajar terima keputusan PM

13.11 24/03/08 M155

PUTRAJAYA: Pihak Istana Terengganu perlu menerima keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang melantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh sebagai Menteri Besar negeri itu buat penggal kedua berturut-turut.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata pelantikan Idris dibuat hasil cadangan parti Barisan Nasional (BN) yang memenangi pilihan raya umum lalu.

"Dia (Idris) dicadangkan parti untuk menjadi Menteri Besar. Istana (Terengganu) perlu dengar dan menerima cadangan parti.

"Kita buat ikut perlembagaan dan saya percaya istana juga akan ikut

perlembagaan.

"Mana-mana parti yang menang boleh bentuk kerajaan dan melantik Menteri Besar. Ia perlu dipersetujui Duli Tuanku," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pertemuan antara 23 Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Barisan Nasional (BN) Terengganu dengan Perdana Menteri di Seri Perdana, malam tadi.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta perwakilan Umno Pahang dan Kelantan.

Idris dan 22 Adun BN Terengganu serta perwakilan Umno Pahang dan Kelantan dilihat memasuki Seri Perdana kira-kira jam 5.30 petang se-

belum keluar berasingan bermula jam 8.30 malam tadi.

Pelantikan jawatan Menteri Besar Terengganu menjadi kecoh apabila Majlis Penasihat Pemangku Raja (MPPR) Terengganu kelmarin, mengeluarkan kenyataan yang menamakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kijal, Datuk Ahmad Said, 51, sebagai Menteri Besar baru.

Berikutan itu, 22 Adun BN yang mengadakan mesyuarat khas di Terengganu, kelmarin, berikrar untuk memulaukan majlis angkat sumpah Ahmad sebagai Menteri Besar yang dijadualkan di Istana Tamu, pagi semalam dan akan meletak jawatan jika Idris yang juga Adun Jertih tidak dilantik semula untuk jawatan itu.

Mohd Ali berkata, keputusan melantik semula Idris juga dibuat berikutan beliau mendapat sokongan penuh daripada 22 Adun negeri itu.

Ali berkata, Ahmad turut menghadiri mesyuarat dengan Perdana Menteri itu, tetapi beliau beredar tidak lama kemudian.

"Dia (Idris) mendapat sokongan majoriti, termasuk daripada Pemuda dan Puteri Umno Terengganu. Yang penting dalam perlembagaan, ahli dewan undangan negeri menyokong dia," katanya.

Mengenai tindakan yang boleh dikenakan terhadap Ahmad jika menerima pelantikan itu, Mohd Ali berkata, nasib Adun Kijal itu akan dibincangkan.